

Selepas Sepuluh Tahun Merdeka

Tak Sejauh Mana Gerak Majunya Orang Melayu di Tanah Air

Oleh: Alimin

Zaman Kuno:

Kita orang-orang Melayu, menurut sejarahnya, samalah juga seperti orang-orang lain di dunia ini, yaitu adanya ialah sebagai satu bangsa yang pernah agong dengan mempunyai tanah air atau negaranya sendiri yaitu Semenanjung Tanah Melayu ini, dan telah pula terkenal kepada umum sama ada di Timur mahu pun di Barat.

Walaupun pada zaman itu dikatakan orang-orang Melayu masih kuno lagi, tetapi mereka adalah lepas bebas merdeka dan berdaulat sepenuhnya. Pada masa itu orang Melayu ada mempunyai pemerintah atau kerajaannya sendiri dengan segala kelengkapan ketatasilaannya sendiri pula.

Dengan sebab dunia ini bergerak menuju perubahannya dari zaman ke zaman, sifat-sifat faham feudal telah mulai lapuk dan rapuh, tambahan pula di samping oleh “biang keladi” dari suatu golongan, maka bangsa Melayu dan tanah airnya ditimpa malang yaitu penjajahan telah datang silih berganti lepas satu – satu pula sejak tahun 1511 hingga

ke tahun 1957 yang baru silam.

“Biduk Melayu” telah terumbang-ambing dilanda badai di samudera luas dalam sepanjang masa 446 tahun lamanya.

Rahmat Dari Tuhan:

Setelah sekian lamanya “Melayu terbenam” di bawah tapak kasut penjajahan, jiwa merdeka di sanubari putera puteri Melayu telah hampir-hampir pupus sama sekali, *al-hamduli ‘Lāh* dengan berkat rahmat dari Tuhan *Rabb al-‘Ālamīn*, habis gelap datanglah terang, kita umat Melayu telah merdeka kembali yang akan menyambung semula sejarah keagungan bangsa seperti yang terdahulu itu. “**Melayu tak akan hilang di dunia**” – kata Hang Tuah. “**Melayu hanya kalah, bukan tewas!**” – Ujar Tun

Faṭimah pula yang telah pun diucapkan lebih empat kurun dahulu itu.

10 Tahun Merdeka:

Kini kita telah memasuki tahun kesepuluh selepas merdeka, 31 Ogos 1967 ini telah genaplah 10 tahun kita merdeka.

Di samping kita riang gembira kerana telah berada di dalam zaman

kemerdekaan serta tinggal di negara yang telah mereka¹ pula, maka kita seharusnya akan mengkaji, meninjau dan menganalisa pula bahawa telah sejauh mana akan gerak majunya kita orang-orang Melayu di tanah airnya sendiri sekarang ini. Kita orang-orang Melayu adalah bumiputer negara kita ini, dan sudah selayaknya yaitu segala kemajuan-kemajuan Melayu dalam segala bidang itu menjadi “teras kemajuan” kebangsaan kita di tanah air.

Terlepas daripada segala prasangka buruk, hasad dengki pun jauh sekali dalam menulis ini, kalau dibandingkan masa dahulu dengan sekarang, tidaklah dinafikan bahawa negara kita ini banyak sekali kemajuan-kemajuan yang telah wujud. Tetapi kita semuanya tahu bahawa sebahagian besar dari kemajuan-kemajuan itu ialah hasil usaha oleh orang-orang lain. Dapatkah kita orang-orang Melayu berbangga dengan kemajuan-kemajuan yang bukan hasil usahanya itu?

Di kelilingi Keriang:

Jiwa kita orang-orang Melayu sekarang nampaknya penuh romantis, mereka hidup dikelilingi oleh rasa

¹ Perkataan sebenarnya adalah merdeka.

Sepuluh Tahun

keriangannya. Dimana-mana sahaja dapat dilihat; di kota-kota, di desa-desa dan hingga diceruk atau teluk pun mereka semuanya memperlihatkan keriangannya belaka. Di halaman-halaman rumah nampak bermacam-macam bunga-bunga, di dalam rumah pula siap dengan berbagai-bagai perhiasan, dalam hal berpakaian pula juga mereka lawa-lawa belaka, apatah lagi para pemuda dan pemudinya. Tetapi apakala ditinjau pada tanah-tanah ladangan, persawahannya, kebunnya, perniagaannya, ternakannya dan sebagainya lagi, maka dapatlah diertikan bahawa sebahagian besar keriangannya itu tidaklah akan keterlaluan jika dikatakan hanya sebagai berpura-pura sahaja.

Kita orang-orang Melayu sebagai satu bangsa, bumiputera negara yang kaya ini, dan telah merdeka serta berdaulat, tidaklah lagi mesti “hidup pura-pura” sedemikian itu. Kalau Melayu dalam zaman kuno dulu pernah ke Eropah berniaga dengan kapal layarnya, mengapa Melayu di zaman “intelektual” ini mereka bersikap “malap” sahaja. Kalau pelita malap tanda minyak sudah hampir habis, entahlah jika semangat satu-satu bangsa itu malap!?

Melayu Bertuah:

Kita orang-orang Melayu, manakala diteliti dengan sehalus dan sebaik-baiknya, nyatalah suatu umat yang sangat bertuah. Bukti-bukti tuahnya Melayu ialah:

Pertama: Melayu di dalam sejarahnya

dikenali sebagai satu bangsa di dalam dunia ini, dan pernah dipandang mulia oleh bangsa-bangsa lain.

Kedua: Telah dikumiakan Tuhan *Rabb al-Ālamīn* memiliki tanah air – negaranya – yang penuh bahan-bahan kekayaan.

Ketiga: Umat Melayu beragama Islam – agama penyelamat di dunia dan di Akhirat – serta mendapat perbendaharaan ilmu-ilmu, yaitu al-Qur’ān dan al-Hadīth.

Keempat: Orang-orang Melayu terdiri daripada manusia-manusia yang bersifat-sifat dengan sifat sempurna, dan keturunan daripada Nabi Allah Adam serta Siti Hawā – bukanlah berasal daripada monyet seperti kata setengah ahli-ahli sains Barat itu – entahlah, tentang usul-asal orang-orang Barat sana.

Kelima: Walaupun telah sekian lamanya dilanda dan dilatam oleh penjajah dengan silih berganti, namun Melayu hinggalah sekarang belum punah dan belum pupus lagi, apatah lagi di masa hadapan nanti, tetapi semoga dipelihara Tuhan hendaknya sepanjang masa.

Ada pun sebab-sebabnya Melayu corot – hal ini terpaksa diakui – bangsa Melayu terkebawah dari orang lain, nampaknya hanyasanya Melayu itu sendiri yang “menolak tuah” sambil pula “mendakap malang” untuk mereka. Allah, Tuhan yang Maha Pengasih, Pemurah dan Penyayang telah menyuruh kita umat Islam – termasuklah orang-orang Melayu – bersatu

padu seperti mana firman-Nya di dalam al-Qur’ān: “*Wa aḥī‘ū Allāh wa aḥī‘ū al-Rasūl wa lā tanāza‘ū fatafshalū wa tadhab rihukum*”. Ertinya: Ikutilah Allah dan taatlah kepada rasul, dan jangan kamu berpecah, jika kamu berpecah, lemahlah kamu dan hilang kekuatan kamu”.

Firman Tuhan lagi: “*Wa lā tahinū wa lā taḥzanū wa antumu al-a‘lamūna in kuntum mu‘minin*.” Ertinya: “Dan jangan jadi hina, dan jangan jadi bangsa yang pengecut, bahkan kamulah umat yang paling tinggi – mulia – jika betul kamu orang-orang Mukmin”.

Adakah kita mengikut suruhan Allah dan taat kepada rasul...? Atau apakah kita telah menyeleweng...?

Ya...! Kita juga sudah bersatu, tetapi belum berpadu lagi. Bak kata pepatah: “**Patah hanya di luar – Di dalam masih rencong**”. Kuat kita dan mulia kita hanya pada lahirnya, pada apa yang sebenarnya sama-sama kita tahu sendirilah!

Firman Tuhan lagi: “*Wa mā aṣābakum min muṣībat fabimā kasabat aydīkum*”. Yaitu: “Dan barang apa jua dari bahaya yang menimpa kamu sekalian itu, ialah pada yang diusahakan oleh tangan kamu itu sendiri”. “*Wa mā kāna rabbuka liyuhlika al-qurā biḥulmi wa ahluhā muṣliḥūn*”. Ertinya: “Dan tidaklah Tuhan engkau akan membinasakan sesuatu negeri dengan kezaliman – penganiyaan dari Tuhan –

*** Sepuluh Tahun....***


pada hal penduduknya itu orang-orang yang berbuat kebaikan”.

“Falsafah” Pokok:

Kita orang-orang Melayu sekarang, semua lapisan atau golongan, hendaknya sudah seharusnya akan menyedari perihal ehwalnya pada masa ini, dan betapa pula pada masa-masa yang akan datang. Pada zaman anak cucu kita atau zaman zuriat keturunan kita – generasi – yang di hadapan kelak. Seharusnya kita belajar dengan pengalaman, mempelajari suratan dan siratan sejarah. Juga seharusnya kita memperjuangkan sungguh-sungguh lanjutan cita-cita bangsa kita yang ingin kebahagiaan dan kesejateraan itu dengan kebahagiaan dan kesejahteraan itu dengan aman dan damai.

Kalau diperhatikan baik-baik kepada pokok-pokok atau pohon-pohon itu ianya ada mempunyai “falsafahnya” sendiri. Selepas ia patah – tumbuh semula, selepas hilangnya berganti kembali. Walau patah ruyung dilanda angin segala dahan dan rantingnya ia bertunas balik. Walaupun licin bersih buah-buahnya disapu mangsa, sampai musim ia berbuah semula. Pohon-pohon ini tetap mengambil tempatnya untuk hidup di muka bumi ini dengan megahnya sebagai satu pohon yang berguna. Ribut taufan kepada pohon-pohon itu tak pernah memberikan gejala-gejala yang baik. Segala mangsa yang mendatangi pohon-pohon itu adalah untuk mengambil kesempatan belaka. Pohon-pohon itu tahu, tetapi ia tidak peduli, pohon-pohon terus kian membesar bertambah segar juga semakin tinggi pertubuhan²

hidupnya. Bagi satu-satu pohon itu, beribu-ribu pucuk dan daunnya bersatu-padu kepada pelepah, kepada ranting, kepada dahan, kepada perdunya, kepada banirnya, kepada akar tunjangnya yang tegap menjunam tertanam ke dalam tanah – bumi pemberian Tuhannya – bertali-temali dengan akar-akar lancarnya dengan menghisap, menyedut akan makanan yang berzat dari bumi yaitu pancaran rahmat dari Allah yang Maha Berkuasa bagi seluruh alam. Bagi pohon-pohon itu pula ia tidak mengharapkan apa-apa daripada batu, tidak meminta apa-apa daripada batu, tidak meminta apa-apa daripada api, ia yakin kepada pertumbuhannya sendiri, dan Tuhan Maha Berkuasa, maka pohon-pohon itu tetap ada dan hidup dengan dicintai oleh banyak makhluk di mana-mana di atas permukaan dunia ini.



Penuntut-penuntut Malaysia di New Zealand dengan bendera dan kamera siap sedia untuk mengalu-alukan Tun Abdul Razak – Timbalan Perdana Menteri Malaysia – sewaktu beliau tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Christchurch pada 9 April 1967 yang lalu bagi memulakan lawatan mahabah selama lima hari ke New Zealand.

² Perkataan sebenarnya adalah pertumbuhan.